

# Makna Tahun Arnab dalam kalendar Cina

Oleh AU YEONG HOW  
yeonghow@thestar.com.my

**A**RNAB ialah haiwan yang keempat dalam kitaran 12 haiwan zodiak Cina. Berlainan dengan cerita dongeng arnab dengan kura-kura, arnab sebenarnya memiliki sifat positif. Antaranya, peka, bijaksana, berkelakuan baik, senang menerima tetamu, bersopan-santun, diplomatik dan berjiwa seni.

Menurut Pensyarah Kanan, Institut Pengajian Cina, Universiti Tuanku Abdul Rahman, Profesor Dr Lim Chooi Kwa, arnab ialah haiwan yang sangat bertenaga kerana kelincihannya bergerak dan melompat ke sana-sini.

"Ia *hen hui pao* (pantas berlari) dan pintar. Kebijaksanaan arnab dibuktikan dalam cerita dongeng 'Arnab dan tiga lubang'.

"Arnab diburu oleh seekor anjing dan ia memasuki satu tempat perlindungan yang mempunyai tiga lubang. Tanpa disedari anjing tersebut, arnab itu berjaya melepaskan diri," katanya kepada *Mingguan mStar* baru-baru ini.

Menurut Lim, peribahasa Cina juga menggunakan arnab sebagai simbolik insan

yang pintar seperti *jiao tu jin* (arnab yang tahu berlari) *er* (dan) *liang go* (anjing yang bagus) *peng* (dimasak / dibunuh).


*Jiao tu jin* dikaitkan dengan mitos pemerintah yang telah menggunakan barisan tenteranya untuk mengalahkan pasukan lawan.

"Kerana takut jeneral (yang dikaitkan dengan simbol arnab) memberontak pada kemudian hari, maka pemerintah terbabit mengarahkan mereka dibunuh," katanya.

Bagaimanapun, arnab turut mempunyai sifat negatif seperti tidak tegas, suka berahsia, mudah tersinggung, kompleks, suka menyendiri, suka mengumpat, bimbang, naif, pengecut dan mudah terpedaya.

## Hubungan cinta

Mereka yang dilahirkan pada tahun ini dikatakan bakal menjadi pasangan yang romantik dan ikhlas. Bila mereka bercinta, mereka menuntut saling kepercayaan, ketenangan dan perasaan kasih sayang mendalam dalam sesuatu perhubungan itu.



Justeru, mereka tidak pernah kekurangan pasangan cinta. Bagaimanapun, mereka mengharapkan pasangan masing-masing sendirian dengan mereka.

Apabila timbul konflik, setiap pasangan itu perlulah berbincang supaya perhubungan mereka berkekalan.

Mencari pasangan yang ideal bukanlah mudah bagi sesetengah orang.

Namun, mengikut kepercayaan masyarakat Tionghoa, jika ditakdirkan bertemu jodoh ia akan berkekalan hingga ke akhir hayat.

## Kerjaya

Dari segi kerjaya pula, mereka yang dilahirkan pada tahun arnab mengikut kalendar Cina menjalankan tugas dan kewajipan mereka dengan baik. Mereka suka

Peka, bijaksana dan berjiwa seni antara sifat yang dimiliki oleh orang yang dilahirkan dalam tahun arnab mengikut kepercayaan kaum Tionghoa.

mendapatkan segala fakta atau membuat kajian selidik terlebih dahulu sebelum membuat keputusan. Mereka kurang sesuai menceburi bidang perniagaan kerana memilih kerja yang perlu dibuat secara sistematik dan stabil.

Bakat dan kreativiti mereka akan menyerlah apabila diberi peluang untuk mengembangkan potensinya mengikut keupayaan sendiri.

Mereka yang dilahirkan pada Tahun Arnab sesuai menjadi kaunselor, hakim, peguam, penasihat atau setiausaha.

## Keserasian

Dari segi keserasian, mereka sesuai dengan pasangan yang dilahirkan pada tahun anjing, babi dan kambing. Mereka dikatakan kurang serasi bersama tikus, arnab, naga, lembu, harimau, ular dan monyet.

Mereka yang dilahirkan pada tahun arnab juga difahamkan paling tidak serasi dengan ayam dan kuda.